

## SAMBUTAN HARI AUDIT SE MALAYSIA TAHUN 2009

Pada 4 Oktober 2009, Jabatan Audit Negara telah mengadakan Hari Audit Se Malaysia di Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. Sambutan Hari Audit Se Malaysia membawa mesej mengenai pentingnya peranan audit dalam mempertingkatkan akauntabiliti dan integriti tadbir urus sektor awam. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Encik Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Pengurus Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Negeri mewakili Menteri Besar Terengganu.

Tema sambutan iaitu “Membantu Negara Berbelanja Secara Berhemat” telah dipilih bagi menyatakan komitmen Jabatan sebagai agensi pemantau dengan memberi maklum balas yang objektif tentang *outcome* dan impak sesuatu program, projek atau aktiviti Kerajaan di semua peringkat menerusi pengauditan yang berkesan dan laporan yang objektif. Majlis yang diadakan buat kali kelima pada tahun ini telah dihadiri oleh 930 orang yang terdiri daripada Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan/Negeri, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Firma Audit Swasta, warga Jabatan Audit Negara serta pegawai dari Unit Audit Dalam (UAD).



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara dalam ucapan beliau menekankan mengenai pentingnya komitmen yang kuat oleh penjawat awam dalam memastikan mereka benar – benar kompeten dan teliti dalam menjalankan tugas termasuk memantau atau menyelia dengan berkesan kerja – kerja yang dilakukan oleh para kontraktor, vendor mahupun juruperunding supaya Kerajaan benar –benar mendapat *value for money* dari setiap perbelanjaan awam. Beliau mahu pelbagai kelemahan dalam pengurusan wang awam yang didebakkan dalam laporan Ketua Audit Negara perlu diatasi secara konsisten agar kelemahan – kelemahan tersebut tidak menular dan menjaskan perkhidmatan awam di mata rakyat. Tindakan – tindakan yang proaktif hendaklah diambil agar kelemahan yang biasa

diperbetulkan dan selepas diperbetulkan hendaklah dibiasakan sebagai amalan budaya kerja yang cemerlang.



Menurut beliau, sungguhpun suasana ekonomi masih muram kita perlu menghadapi berbagai cabaran yang memerlukan transformasi dalam strategi pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan 2020 serta transformasi dalam pemikiran dan pendekatan penjawat awam sendiri dari segi mempertingkatkan sistem penyampaian awam yang berlandaskan 1 Malaysia “Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan”. Y. Bhg. Ketua Audit Negara juga mengalui –alukan saranan YAB Perdana Menteri bagi memantapkan akauntabiliti dan integriti perkhidmatan awam antaranya ialah amalan perbelanjaan berhemat, penekanan kepada *value for money* dalam perbelanjaan awam yang berpaksikan kepada *outcome and impact*, bukan semata – mata *output*.

Y. Bhg. Ketua Audit Negara juga menyentuh mengenai pencapaian sesetengah syarikat dan anak syarikat Kerajaan Persekutuan mahupun negeri yang sungguhpun telah lama wujud tetapi pencapaian perniagaan mereka tidaklah seberapa. Beliau menekankan bahawa tadbir urus dan kawalan dalaman syarikat dan anak syarikat Kerajaan perlu dipertingkatkan supaya prestasi perniagaan lebih terserlah dan mampu memberi pulangan yang bermakna kepada pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan dan berusaha membayar pinjaman yang telah didahulukan oleh Kerajaan. Lembaga Pengarah syarikat hendaklah berfungsi dengan lebih berkesan dan di dokong oleh UAD atau Jawatankuasa Audit yang berwibawa agar pencapaian yang baik oleh pengurusan dapat direalisasikan.

Di akhir ucapan, beliau berharap agar semua warga audit akan terus berusaha mempertingkatkan kompetensi mereka dan bekerja sebagai satu pasukan yang jitu yang mampu mencadangkan idea – idea yang kreatif dan inovatif untuk memantapkan sistem penyampaian Kerajaan dan mengukuhkan akauntabiliti dan integriti.

YB. Encik Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Penggajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Negeri dalam ucaptama beliau mengingatkan semua Pengawal dan ketua jabatan agar sentiasa memastikan segala perbelanjaan dibuat secara teliti, mematuhi segala peraturan, cekap, berkesan, mempunyai *value for money* dan berpegang kepada amalan –amalan pengurusan kewangan yang terbaik selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dan *Key Performance Indicators* (KPIs) yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri.

Menurut beliau, peranan Jabatan Audit Negara semakin diperlukan terutama dalam keadaan ekonomi sekarang. Ia bukan sahaja untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan kewangan tetapi bagi membantu Kerajaan memastikan setiap perbelanjaan awam dilakukan secara berhemat. Beliau juga menyentuh mengenai usaha yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menangani krisis ekonomi yang dihadapi negara seperti mengeluarkan Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat dan juga melancarkan dua Pakej Rangsangan Ekonomi dengan dana berjumlah RM67 bilion untuk merangsang aktiviti ekonomi negara bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara yang mapan. Beliau memaklumkan di bawah kedua-dua Pakej Rangsangan tersebut, Kerajaan Negeri Terengganu telah menerima peruntukan sejumlah RM365.95 juta untuk melaksanakan 4,087 projek.

Di akhir ucapan, beliau menasihatkan Ketua – Ketua Jabatan/Agensi Negeri memberi lebih perhatian kepada aspek kompetensi dan ketelitian penjawat awam dalam pengurusan kewangan dan pengurusan projek negeri khususnya aspek perancangan, penyeliaan kerja kontraktor/*vendor*/konsultan bagi memastikan projek disiapkan mengikut jadual, tanpa kenaikan kos serta memenuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.

Sambutan Hari Audit Se Malaysia 2009 turut memaparkan tayangan dokumentari mengenai latar belakang, peranan, fungsi dan aktiviti Jabatan dalam meningkatkan akauntabiliti awam. Di samping itu, Jabatan juga telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2008 yang disampaikan oleh Y.Bhg. Dato” Mariani bt. Mohammad, Pengarah Urusan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd bagi Pengauditan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti). Pengiktirafan ini membuktikan usaha JAN untuk menerapkan ciri-ciri inovasi dan nilai tambah dalam kualiti kerja pengauditan dan juga mengekalkan JAN sebagai salah satu organisasi audit sektor awam di dunia yang bertaraf ISO.

Penyampaian Sijil MS ISO 9001:2008 Oleh SIRIM



Acara kemuncak sambutan adalah penyampaian Anugerah Kecemerlangan Indeks Akauntabiliti bagi Tahun 2008 oleh Y. Bhg. Ketua Audit Negara kepada 20 Kementerian dan Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri yang meraih 4 bintang. Selain itu, Jabatan telah melancarkan dua Garis Panduan iaitu Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Garis Panduan Pengauditan Syarikat Kerajaan. Majlis sambutan telah diakhiri dengan penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat kepada lima Jabatan/Agensi dan sumbangan buku kepada lima buah sekolah terpilih di negeri Terengganu.



Pelancaran Garis Panduan Pengauditan Air Tidak Terhasil (NRW) dan Garis Panduan Pengauditan Syarikat Kerajaan



Penyampaian Sijil  
Penyertaan Program  
Anak Angkat



### Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih



### Sidang Akhbar

